



AMANAT TAHUN BAHARU 2020

KETUA PENGARAH ALAM SEKITAR

Salam hormat warga Jabatan Alam Sekitar (JAS) yang dikasihi dan dihormati sekalian,

Kita telah menempuh tahun 2019 dengan pelbagai insiden berkaitan dengan pencemaran alam sekitar di Malaysia yang kita telah tangani bersama dengan penuh semangat dan komitmen dalam mengalas amanah dan tanggungjawab di bawah mandat Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 (AKTA 127) dan Peraturan-Peraturan di bawahnya. Insiden seperti Sungai Kim-Kim dan Taman Mawar di Pasir Gudang, Operasi kilang haram kitar semula plastik dan pemeriksaaan kontena sisa plastik di pelabuhan, jerebu setempat dan merentas sempadan, pelupusan haram buangan terjadual dan pencemaran bau telah menuntut JAS menjalankan tanggungjawab dengan lebih cekap dan berkesan demi alam sekitar yang sihat, selamat dan sejahtera.

Justeru itu, saya ingin mengambil kesempatan ini merakamkan setinggi penghargaan kepada semua warga JAS diatas sokongan dan komitmen yang tinggi sepanjang tahun 2019.

JAS sebagai agensi penguatkuasaan akan terus melangkah ke satu fasa baharu yang lebih mencabar dengan isu alam sekitar yang semakin kompleks yang menuntut komitmen penuh kita semua bagi memastikan alam sekitar terus terpelihara, rakyat dan negara sejahtera.

Pada tahun 2020 ini, keutamaan tugas kita perlu dipandang serius selari dengan amanat Tan Sri Ketua Setiausaha Negara (KSN) yang sentiasa menekankan kepada penjawat awam supaya “melakukan perkara yang betul pada kali pertama” dalam melaksanakan tugas. Kita perlu sentiasa menjadikan kata-kata ini sebagai satu budaya kerja supaya tindakan yang dilaksanakan dapat memenuhi jangkaan yang diharapkan oleh rakyat.

Ini akan meningkatkan keyakinan rakyat terhadap JAS dalam menyelesaikan segala isu pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Ini secara tidak langsung akan meningkatkan kredibiliti dan imej Jabatan di mata rakyat Malaysia, di peringkat serantau dan antarabangsa.

Demi mencapai hasrat Kerajaan melalui Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, Jabatan juga sedang dalam penyusunan semula keutamaan Jabatan bagi memastikan JAS sentiasa relevan dan efektif dalam melaksanakan penguatkuasaan, pengawasan dan input kepada perancangan pembangunan. Disamping itu, secara konsisten menjalankan program pendidikan dan kesedaran alam sekitar yang berimpak tinggi kepada masyarakat untuk memastikan kebertanggungjawaban memulihara alam sekitar digalas bersama dengan semua rakyat Malaysia.

Demi memastikan hasrat ini tercapai, saya menyeru seluruh warga JAS melipatgandakan usaha kita dalam menjalankan penguatkuasaan dan pengawasan terhadap semua premis yang tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya. Tindakan penguatkuasaan yang lebih efisen, sistematik, holistik dan proaktif dengan mengoptimakan penggunaan pelbagai aset sedia ada dan baharu serta sistem atas talian yang telah dibangunkan perlu dilaksanakan dengan penuh komitmen, integriti dan berintensiti tinggi. Sebarang ketidakpatuhan terhadap AKTA 127 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya perlu diambil tindakan tegas tanpa ada sebarang rasa prejudis atau pilih kasih.

Saya ingin menekankan disini supaya semua warga JAS perlu mematuhi sepenuhnya semua arahan pejabat, *Standing Operating Procedure (SOP)*, pekeliling pentadbiran, pekeliling perbendaharaan dan tatacara pengurusan aset dan stor. Disamping itu, sistem, prosedur, proses JAS perlu ditambahbaik supaya kualiti perkhidmatan yang cemerlang akan sentiasa memenuhi pelanggan Jabatan.

Dalam kita memartabatkan JAS sebagai organisasi yang bersih, kita sedang giat menyediakan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP). Pelan ini selari dengan keperluan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) bagi mewujudkan negara bebas rasuah. Pelan ini dibangunkan bagi memastikan semua pegawai JAS bebas daripada sebarang salah laku berkaitan guna kuasa dan rasuah.

Sebarang anasir-anasir rasuah ini daripada peringkat awal perlu dicegah dan jika terdapat maklumat warga JAS terlibat dengan rasuah, saya menyeru maklumat berkenaan disampaikan kepada saluran yang betul agar kita sama-sama dapat membanteras gejala rasuah ini daripada menjadi virus yang akan merosakkan Jabatan. Marilah kita berganding bahu bagi melahirkan Jabatan yang bebas rasuah dan berintegriti tinggi bagi memastikan kelestarian alam sekitar.

Memasuki tahun 2020 yang penuh cabaran baharu ini, kita sebagai agensi penguatkuasa perlu melaksanakan amanah seiring dengan perkembangan teknologi arus perdana dan bersedia untuk menggunakannya. Kita akan mengoptimumkankan penggunaan teknologi dalam aktiviti penguatkuasaan dan pengawasan secara pintar (*smart enforcement & monitoring*) dan program kesedaran alam sekitar yang interaktif bagi mencapai keberhasilan yang tinggi.

JAS telahpun menyediakan aplikasi telefon pintar dalam menyebarkan maklumat Indeks Pencemar Udara (IPU) dan sedang berusaha ke arah penggunaan Revolusi Industri 4.0 dalam aktiviti JAS antaranya teknologi pemprosesan awan dalam penyimpanan dan pemprosesan data, *Internet of Things* (IoT), analisis data raya dan kecerdasan buatan (AI).

Dengan inisiatif ini, adalah diharapkan semua tugas ini dapat dilaksanakan dengan produktif dan efektif supaya sebarang ketidakpatuhan atau pencemaran alam sekitar dapat dicegah dan dikawal dengan segera bagi mengelakan risiko kepada alam sekitar dan kesihatan awam.

Marilah kita bersama-sama memantapkan diri kita dengan mempelajari ilmu, membina kemahiran dengan sikap yang positif, proaktif, mempunyai daya usaha dan daya juang yang tinggi dalam kita melaksanakan tugas dengan cekap, berkesan dan berintegriti. Kita sentiasa ikhlas dalam melipatgandakan usaha dan berdoa semoga segala usaha kita ini mendapat rahmatnya.

Kita sebagai satu pasukan JAS akan terus fokus dalam melaksanakan segala amanah demi kelestarian alam sekitar, kesejahteraan rakyat dan negara Malaysia tercinta.

“ALAM SEKITAR TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

NORLIN BINTI JAAFAR

Ketua Pengarah

Jabatan Alam Sekitar